

OGOS 2022



**SELAMAT MENYAMBUT  
HARI KEMERDEKAAN  
2022**

*ke*



#KELUARGA  
MALAYSIA  
TEGUH BERSAMA

# *Setinggi-tinggi Tahniah*

kepada  
**Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor,**  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV

yang dianugerahkan  
**Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP)**  
yang membawa gelaran Dato'

sempena ulang tahun  
**Hari Keputeraan Yang Ke-63**  
**Kebawah Duli Yang Maha Mulia**  
**Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah**  
**Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni**  
**Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah**  
**Al-Musta'in Billah.**

*dari pada seluruh warga FGV*



## **Ingat Malaysia, Ingat Ladang'57**

Ladang'57 mula ditubuhkan pada Februari 2021. Matlamat utama penubuhan Ladang'57 adalah menjadi sebuah jenama yang premium daripada produk keluaran FGV. Selain itu, FGV juga komited untuk membantu para petani dalam memasarkan produk seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan juga beras wangi keluaran tempatan.

Penubuhan ini dilaksanakan melalui aktiviti peladang kontrak (*Contract Farming*), di mana FGV membuka peluang kepada petani tempatan untuk menyumbang tenaga kerja demi menghasilkan produk tempatan yang berkualiti tinggi.

Menurut Azti Dian Fitriyani Azmi, Ketua, Jualan dan Pemasaran FGVIF, "Nama Ladang'57 itu sendiri diinspirasikan daripada tahun kemerdekaan negara. Penubuhan Ladang'57 dilaksanakan untuk memberi nilai tambah kepada produk serta tanaman tempatan sekaligus membantu meningkatkan taraf kehidupan dan memperkembangkan usaha para petani tempatan."



Selain itu, Ladang'57 mempunyai semangat dan dedikasi untuk terus berkembang bersama Malaysia dan rakyatnya sejak tahun 1957 sehingga kini. Ladang'57 juga semakin diterima ramai kerana hasilnya yang berkualiti.

Produk-produk keluaran Ladang'57 ini boleh ditemui di pasaran seperti di Aeon Big, Mydin, Gogopasar dan Kedai FGV, yang menjadi pilihan rakyat Malaysia untuk terus memberi sokongan pada produk tempatan dihasilkan di Malaysia oleh FGV dan peladang kontraknya.

Ladang'57 menjadi jenama eksklusif FGV Holdings Berhad untuk produk tanaman kontannya yang mengeluarkan hasil tempatan berkualiti premium untuk rakyat Malaysia seperti nanas MD2, pisang Cavendish, jagung manis dan kelapa pandan.

## **EDITORIAL**

### **PENAUNG**

Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor

### **PENASIHAT**

Azmi Yaakop

### **EDITOR**

Isnain Fitri Mohd Azmi

### **PENGURUS PROJEK**

Ili Diyana Ammirudin

### **PENULIS**

Huzaifah Mazlina Mohd Alias  
Nur Affifah Baharim  
Nurul Eisha Khairul Annur  
Nurul Sakinah Abd Aziz  
Fadwa Faieqah Mohamad Ziyad

### **PEREKA GRAFIK**

Mohd Nazzim Kamsaim



### **TERBITAN**

Komunikasi Strategik Kumpulan FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)  
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur, Malaysia

[fgvholdings.com](http://fgvholdings.com)

## Produk FGV Tarik Minat Pengunjung Di MIACES



Bermula 26 Julai hingga 28 Julai, FGV terlibat dalam program Malaysia International Agricommodity Expo & Summit (MIACES) 2022 yang berlangsung di MITEC, Kuala Lumpur. FGV juga merupakan salah satu rakan kongsi platinum dalam ekspo ini.

Objektif MIACES ini dilaksanakan bagi membuka peluang kepada syarikat pertanian tempatan untuk memasarkan perniagaan mereka ke peringkat global. Kemudian, usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai hub antarabangsa sektor pertanian dapat mengukuhkan kedudukan negara sebagai pengeluar utama produk pertanian dan sekaligus dapat

Pada hari pertama ekspo ini diadakan, wakil FGV iaitu Azman Ahmad, Pengarah Bahagian Sektor Logistik & Perniagaan Sokongan (LSB) Kumpulan telah berkongsi ilmu dengan menerangkan serba sedikit tentang perkembangan pasaran melalui tajuk '*Collaborations in Destination Markets – Key to Market Expansion*'.

Perkongsian daripada wakil FGV diteruskan lagi pada hari berikutnya yang disampaikan oleh Mohamed Fazil Mohamad Saad, Pengurus Kanan, Jabatan Projek-Projek Khas FGV Palm Industries. Beliau memberi perkongsian tentang informasi

mempamerkan inovasi dan teknologi tempatan di peringkat antarabangsa.

Selain itu, kehadiran pengunjung ke MIACES yang memberangsangkan juga memberi kesan dalam pameran ini. Kesannya, produk-produk syarikat tempatan dalam sektor pertanian semakin dikenali dan mendapat pendedahan di peringkat antarabangsa.

berkaitan Biogas, dengan tajuk '*Synergizing Sustainability & Renewable Energy Landscape*'. Perkongsian ini memberikan manfaat kepada pengunjung terutamanya yang terlibat dalam sektor pertanian.

FGV telah mempamerkan pelbagai produk keluarannya di tapak pameran sepanjang MIACES berlangsung. Antara produk yang dipamerkan ialah produk perniagaan daripada tenaga yang diperbarui, bahan penanaman sawit serta beberapa hasil produk penyelidikan dan pembangunan bagi jenama FMCG.

Para pengunjung juga dapat mencuba beberapa produk makanan keluaran anak syarikat FGV seperti produk Saji, Ladang'57, Bright Cow, Adela, Seri Pelangi dan Gula Prai. Produk-produk ini menarik perhatian pengunjung kerana mereka dapat merasai kesedapan dan kualiti produk-produk FGV secara terus.



## FGV ALMA Lancar Makanan Kucing Tanpa Unsur Syubhah

FGV ALMA melancarkan makanan haiwan peliharaan berkenaan yang tiada unsur syubhah atau keraguan.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), makanan kucing Purrrfect Super Premium keluaran FGV ALMA tidak menggunakan bahan-bahan mentah yang berdasarkan khinzir, tulang dan darah. Malah kualiti makanan kucing berkenaan juga dijamin kerana tidak mengandungi sebarang bahan pengawet dan pewarna.

Selain diperkaya dengan Taurine untuk kebaikan deria penglihatan kucing, Purrrfect Super Premium juga diperkaya dengan pelbagai sumber protein dan mineral yang sesuai untuk membantu pertumbuhan dan perkembangan otot serta tulang selain turut

dilengkapi dengan antiokvisa, fosforus, kalsium dan mineral bagi membantu meningkatkan sistem imuniti kucing.

Makanan kucing tersebut mengandungi pelbagai khasiat berdasarkan tuna, salmon, ayam dan itik bagi memastikan kucing peliharaan mendapat nutrisi yang secukupnya.

Makanan kucing pertama keluaran FGV ALMA itu dilancarkan oleh Azah Hanim Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Hadir sama pada majlis pelancaran, Dr Akma Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar; Abdul Razak Aya, Ketua Pertanian

Bersepadu FGV Holdings Berhad; Zainuddin Isa, Pakar Produk FGV ALMA, dan Pengurus Kelab Kucing Malaysia, Khalid Rashid.



## Ladang Tenuku Skala Besar Dibangunkan Di Perlis – Sasar Hasilkan 100 Juta Liter Susu Segar Setahun



FGV Integrated Farming Sdn Bhd (FGVIF), memeterai Perjanjian Usahasama Bersyarat (JVA) dengan Baladna Food Industries W.L.L, anak syarikat BALADNA Q.P.S.C.(BALADNA), dan Touch Group Holdings Sdn Bhd (TOUCH GROUP) bagi pembangunan perniagaan ladang tenuku integrasi di Chuping, Perlis.

Majlis menandatangani perjanjian ini diadakan di Pameran Pertanian,

Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia 2022 (MAHA 2022) di Serdang, disaksikan Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob bersama Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Azlan Man, Duta Besar Qatar ke Malaysia dan Ketua Eksekutif NCIA.

Usahasama ini akan menjadi batu loncatan untuk FGV sebagai salah satu

syarikat perniagaan tani bersepada dan mampan terkemuka di dunia. Sebagai sebuah organisasi yang terlibat dalam industri makanan, usaha terbaru ini akan memperkuatkannya lagi kedudukan FGV terutamanya dalam industri tenuku yang semakin berkembang.

Dengan matlamat untuk mengukuhkan agenda

Sekuriti Makanan Negara, projek ini juga sejajar dengan rancangan jangka panjang FGV untuk menjadikan FGV Chuping Agro Valley (FCAV) sebagai hab agro-valley terkemuka di Malaysia, di bawah seliaan NCIA. Perniagaan ladang tenuku bersepada ini juga akan mewujudkan lebih 2,000 peluang pekerjaan.

Berita penuh: <https://bit.ly/3A6kjUW>

## FGV, Bernas Hasilkan Makanan Ayam

FGV Integrated Farming Sdn Bhd (FGVIF) telah melancarkan makanan ternakan ayam kampung di bawah jenama ALMA yang merupakan sebahagian daripada usaha FGV dalam menyahut seruan kerajaan serta meyumbang kepada agenda Sekuriti Makanan Negara dan Dasar Agromakanan Negara (NAP 2.0).

Majlis pelancaran diadakan di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia 2022 (MAHA 2022) di Serdang, disempurnakan oleh Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi).

FGV bekerjasama dengan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) untuk menghasilkan formulasi baharu makanan ternakan ayam kampung yang diperbuat daripada produk sampingan daripada kilang pemprosesan padi dan beras. Langkah ini sejajar dengan inisiatif "waste to wealth" yang dijalankan oleh BERNAS.



Inisiatif ini dijangka akan mengurangkan sebanyak 10 peratus kos pengeluaran dengan menggantikan komponen bijirin jagung yang diimport. Produk sampingan sebanyak 30,000 metrik tan

setahun ini akan digunakan khusus untuk menghasilkan makanan ternakan ayam kampung ALMA.

Berita penuh: <https://bit.ly/3P3nxwt>



## CORETAN MAHA 2022



## FGV, YDN Dan KPM Didik Pelajar Tentang Pemuliharaan Hidupan Liar

FGV, Yayasan Didik Negara (YDN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bekerjasama melancarkan program rintis “Eksplorasi Alam Lestari” untuk memberi pendedahan awal mengenai pemuliharaan hidupan liar di kalangan kanak-kanak yang telah dirasmikan oleh Datuk Dr. Mohd Radzi Jidin, Menteri Kanan Pendidikan Malaysia.

Sebanyak 120 pelajar sekolah rendah daripada beberapa sekolah yang terpilih di Putrajaya telah menyertai program rintis ini yang turut difasilitasi oleh Zoo Negara Malaysia.

Program kesedaran ini selaras dengan Matlamat Pembangunan

Lestari PBB (SDGs) terutamanya SDG 4 (Pendidikan Berkualiti), SDG 15 (Kehidupan di Darat) dan SDG 17 (Kerjasama Demi Matlamat) dengan mempelbagaikan persekitaran bilik darjah dan menyediakan pembelajaran visual tentang ekosistem semula jadi.

Berita penuh: <https://bit.ly/3zCP95M>



## Pekerja Migran Terima Anugerah Khidmat Setia



Sebagai sebuah syarikat yang prihatin, FGV turut mengiktiraf kesetiaan dan usaha keras pekerja ladang dalam menyumbang kepada produktiviti buah tandan sawit (BTS) disamping menitikberatkan kebijakan pekerja migran FGV.

Bersempena dengan lawatan ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan FGV ke Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (PPPTR), Jerantut, Pahang FGV mengambil

kesempatan turun padang untuk menghargai pekerja-pekerja migran; Ucox dari Indonesia, Mohammad Al Amin dari India dan Naushad dari Bangladesh yang telah menerima Anugerah Khidmat Setia atas perkhidmatan dan komitmen padu terhadap syarikat menjangkau 23 tahun.

Semoga ini akan menjadi inspirasi kepada semua pekerja migran FGV yang lain.



## AgriShoppe@DusunTrolak Sebagai Hab Bagi Pembekalan Bahan Tanaman

FGV Agri Services Sdn. Bhd. telah melancarkan AgriShoppe@DusunTrolak yang merupakan hab kedua bagi pembekalan bahan tanaman serta produk pertanian untuk pengusaha tapak semaihan, pemilik kebun, pekebun kecil dan orang ramai, terutamanya di sekitar Perak, Selangor dan Kuala Lumpur pada 13 Julai.

AgriShoppe@DusunTrolak yang terletak di antara dua bandar utama iaitu antara 116 kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur dan 89 kilometer dari Ipoh dengan keluasan 2.20 hektar.

Hab yang mula dibangunkan pada Disember 2021 ini bertujuan membekalkan bahan tanaman untuk aktiviti penanaman komersial khususnya tanaman buah-buahan seperti jambu batu, durian, kelapa pandan, klon nanas MD2 dan lain-lain.

Selain itu, pelbagai tanaman herba dan strategik seperti anak pokok buluh betung, articok Jerusalem (Sunchoke), halia bentong, vanila dan lain-lain turut disediakan.

Di samping itu, AgriShoppe@DusunTrolak juga mengusahakan penternakan lebah kelulut dan penghasilan madu kelulut asli.



Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV berkata, ini merupakan salah satu inisiatif FGV ke arah menyediakan bahan dan produk tumbuhan berkualiti tinggi kepada pengguna melalui aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D) yang telah dijalankan.

“AgriShoppe@DusunTrolak mensasarkan untuk mengukuhkan

dan menguasai pasaran bahan tanaman khususnya melalui kaedah pembiakan dalam kaca (Vitro) di bahagian utara Malaysia serta meneroka pasaran pertanian bandar yang berkembang pesat,” katanya.

Majlis pelancaran program ini telah dirasmikan oleh Suhaidi Hamzah, Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) FGV serta turut dihadiri oleh ahli-ahli Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA) bersempena Mesyuarat Agung MOPNA kali ke-15 yang diadakan di Felda Residence Hot Spring, Sungai Klah.

Sebelum ini, AgriShoppe pertama telah dilancarkan di Lahad Datu, Sabah pada 28 November 2015, bertujuan bagi memasarkan bahan tanaman dan input pertanian khususnya tanaman kelapa sawit. Antara produk lain yang turut ditawarkan ialah umpan tikus dan produk kawalan rumpai.

## Latihan Penggunaan *Twist Lock* Cepatkan Proses Tuaian

Latihan ini diberikan oleh Pengurus Ladang, Muhamad Hairul Nizam Hasan kepada Penolong Pengurus Ladang, Penyelia Ladang dan Mandor Tuai Ladang bagi Ladang FGV Lepar Utara 08.

Kelebihan penggunaan *twist lock* dapat membantu penuai mempercepatkan proses penuaian di mana peralatan boleh dilaras suai tanpa menurunkan galah.

Kegunaan *twist lock* ini dapat menjimatkan masa penuai untuk memotong tandan dari satu pokok ke satu pokok yang lain.

Penggunaan *twist lock* menggantikan klip ini dilihat dapat membantu penuai meningkatkan produktiviti hasil harian mereka dan seterusnya meningkatkan hasil dan pendapatan ladang.






## Penyumbang Gas-Gas Rumah Hijau

ILUSTRASI OLEH DR GIDEON TAN


EJEN M

Gas rumah hijau ini mempunyai kekuatan dan kebolehan yang berbeza untuk memerangkap haba berbanding gas CO<sub>2</sub> pada isipadu yang sama.


Kebolehan yang berbeza untuk memerangkap haba ini dikenali sebagai "Global Warming Potential" (GWP) yang diukur dalam unit Carbon Dioxide Equivalent atau CO<sub>2</sub>e.




Gas terjadi disebabkan oleh pembakaran bahan bakar fosil dari pengangkutan, stim, dan penjanaan tenaga dari dandang, stesen janakuasa dan lain-lain.



Gas ini berpuncu daripada penternakan lembu, sisik kumbahan kilang, pertanian, dan lain-lain.



Gas ini berpuncu daripada pengurusan tanah pertanian, pembuatan baja dan lain-lain.



Gas ini dibebaskan daripada pendingin semasa proses pemeringkatan, sistem pendingin hawa dan lain-lain.

\*IPCC AR4 =25 kali  
IPCC AR5= 28 kali

## 6 TIPS TINGKATKAN KESELAMATAN DALAM TALIAN ANDA OLEH GROUP IT



Gunakan fungsi kunci/kata laluan untuk komputer & telefon bimbit anda



Simpan kata laluan anda sekurang-kurangnya 8 aksara & elakkan menggunakan perkataan yang terdapat dalam kamus



Penyata bank kertas adalah 8x lebih berkemungkinan dicuri daripada penyata tanpa kertas



Log keluar daripada akaun anda dan tutup tetingkap penyemak imbas



Tambahkan satu huruf besar & simbol pada kata laluan anda - penggodam akan mengambil masa 200 tahun untuk memecahkannya berbanding 2 jam jika anda menggunakan semua huruf kecil



Apabila anda menerima e-mel daripada bank anda, pergi terus ke laman web bank tersebut - jangan klik pada mana-mana pautan dalam e-mel



## Warga MSM Johor Berganding Bahu Bersihkan Pantai Awam

Petugas MSM digalakkan untuk menjadi sebahagian daripada komitmen mereka untuk membantu komuniti melalui pelbagai inisiatif Tanggungjawab Korporat dan ESG.

Pada 7 Ogos, seramai 30 Warga MSM Johor bersama lapan pegawai Jabatan Perikanan Negeri Johor Dan Pejabat Perikanan Daerah Kota Tinggi Selatan (Pengerang) telah berganding bahu untuk program membersih pantai di pantai awam, Tanjung Balau, Kota Tinggi, Johor.

Dalam masa tiga jam sahaja, sebanyak 186kg sampah telah berjaya dikumpul.

Program ini merupakan inisiatif Warga MSM Johor sendiri dan kami amat berbangga dengan dedikasi dan sumbangan mereka kepada masyarakat berhampiran. Sebagai #KeluargaMalaysia, diharapkan agar kita semua dapat memainkan peranan aktif dalam memastikan kebersihan kawasan awam bersama-sama.



## MSM Komited Beretika Dan Berintegriti Dalam Aktiviti Perniagaan

Di MSM, kami percaya Integriti Bermula Dengan ANDA. Dalam mempromosi amalan perniagaan beretika, MSM komited menggunakan piawaian kelakuan beretika dan integriti tertinggi dalam aktiviti perniagaannya.

Pada 28 Julai, Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko Kumpulan MSM telah menganjurkan 'Sesi Ceramah Integriti MSM' untuk semua petugas MSM di Menara Felda bersama vendor dan pihak berkepentingan yang berkaitan. Ceramah itu juga akan dijalankan tidak lama lagi di MSM Prai,



MSM Johor dan MSM Sungai Buloh Warehouse.

Timbalan Pesuruhjaya Mohamad Zamri Zainul Abidin, Pengarah Bahagian

Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkongsi tentang bagaimana suruhanjaya itu beroperasi dan cabaran yang beliau hadapi dalam menjalankan siasatan berhubung kes pengubahan wang haram dan rasuah.

Beliau juga menjawab beberapa soalan daripada penonton semasa sesi soal jawab dan berkongsi saluran yang sesuai di mana orang ramai boleh membuat laporan mengenai rasuah atau sebarang salah laku yang berkaitan dengan rasuah.

## Dian Komited Bantu Agenda Sekuriti Makanan Melalui FGIVF



Ketika krisis sekuriti makanan mula membenggu dunia, termasuk Malaysia, Azti Dian Fitriyanti Azmi melihatnya sebagai peluang untuk FGIVF ke hadapan dan membantu negara mengatasi isu itu.

Selaku Ketua, Jualan dan Pemasaran FGIVF Integrated Farming (FGIVF), Azti Dian Fitriyanti percaya beliau dapat memainkan peranan secara langsung memastikan FGIVF menyumbang dalam agenda sekuriti makanan negara.

la berikutan anak kelahiran Kuala Lumpur itu bertanggungjawab memantau inisiatif perladangan dan perternakan FGIVF melalui beberapa projek utama yang berkait secara langsung dengan sekuriti makanan. Antaranya termasuk makanan haiwan dan tanaman kontan.

"Di FGIVF, kita mengadakan penjenamaan dan pemasaran tanaman kontan yang bermula dengan pisang Cavendish dan sehingga kini kita

perluas ke beberapa tanaman lain seperti jagung, harumanis dan durian musang king."

"Jenama premium Ladang'57 pula telah memasarkan pelbagai produk tanaman tempatan untuk dikomersialkan secara besar-besaran, yang membantu petani secara langsung dan mengubah kehidupan mereka," katanya.

Berikutnya dapat berbakti secara langsung kepada masyarakat, Azti Dian Fitriyanti yang sebelum ini bertugas dalam bidang telekomunikasi, yakin keputusannya

untuk menjadi sebahagian daripada keluarga FGV tiga tahun lalu, merupakan keputusan yang tepat.

Ibu kepada tiga anak itu menyifatkan beliau berasa lebih puas dan bermakna sejak memulakan kerjayanya dengan FGV, dan mahu terus menggalas amanah menyumbang kepada masyarakat dan negara bersama FGV.

"Bekerja di FGV adalah satu amanah yang perlu saya galas. Secara langsung saya membantu para petani dalam memastikan tanaman dapat berkembang dan

menghasilkan produk berkualiti agar keuntungan dapat dinikmati oleh petani tempatan."

"Kita membantu petani tempatan melalui pertanian kontrak, di mana hasil dari pertanian kita bantu pasarkan agar para petani dapat berkembang dan produk dapat dikomersialkan," katanya lagi.



## Kejohanan Boling Piala GCEO



Sebanyak 30 pasukan dari pelbagai sektor menyertai Kejohanan Boling Piala GCEO anjuran KSFGV Zon KL yang berlangsung pada 13 Ogos di Wangsa Bowl, Wangsa Walk Kuala Lumpur.

Kejohanan turut dimeriahkan dengan penyertaan Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV dan beberapa wakil pengurusan kanan seperti Mohd Sarian Md Sahid, Pengarah Bahagian

Perlادangan Kumpulan, Nurul Hasanaah Ahamed Hassain Malim, Ketua Bahagian Kelestarian Kumpulan, Razman Radzi, Ketua Pegawai Modal Insan dan Azmi Yaakop, Ketua Pegawai Komunikasi Strategik Kumpulan.



## Karnival Maal Hijrah Di Wisma FGV

Surau Al-Muhajirin Wisma FGV telah menganjurkan Karnival Maal Hijrah 1444H pada Selasa, 9 Ogos dan Rabu, 10 Ogos yang lalu.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah Ceramah Perdana yang disampaikan oleh Lettenan Kolonel Haji Mohd Nizam Haji Termizi bertajuk Hijrah Menggamit Barakah.

Selain itu, terdapat juga gerai-gerai jualan dan pameran di perkarangan Lobi Wisma FGV seperti

Pusat Pungutan Zakat, Kedai FGV, Felda Travel, Wakaf Felda, Kek dan Kurma, Nasi Arab dan Bubur Nasi.

Jualan yang berlangsung telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada Warga FGV.

Program telah diteruskan dengan pertandingan menulis khat yang disertai oleh 30 orang peserta.

Pertandingan Gambar Kreatif bertemakan Maal Hijrah juga turut diadakan bagi semua petugas Kumpulan FGV.

Pemenang bagi Pertandingan Menulis Khat dan Gambar Kreatif tersebut telah diumumkan pada Khamis, 11 Ogos.

# Nasi Tomato Bersama Ayam Masak Merah

**BAHAN-BAHAN:**

3 cawan beras Basmathi	Kayu manis, bunga lawang,
Secubit garam gunung Saji	bunga cengkih
1 sudu besar marjerin Adela	Ayam dilumur garam & kunyit
3 sudu besar puri tomato	Minyak masak Saji
1 cawan krimer sejat cair Saji	1 sudu besar gula Prai
Bawang merah (dikisar)	Kacang pis
Bawang putih (dikisar)	Sos cili
Serai	
3 sudu besar cili boh	

**CARA PENYEDIAAN:****Nasi Minyak**

- Masukkan marjerin dan tumiskan bahan-bahan yang dikisar bersama kayu manis, bunga lawang dan bunga cengkih.
- Masukkan garam dan beras yang telah dibasuh dan ditoskan.
- Masukkan krimer sejat cair dan biarkan sehingga nasi masak.

**Ayam Masak Merah**

- Goreng ayam dan toskan.
- Tumiskan bahan kisar dan serai.
- Masukkan cili boh, puri tomato dan sos. Masak sehingga pecah minyak.
- Masukkan garam, gula, ayam yang digoreng, tomato dan kacang pis. Gaulkan sehingga sebati.



Resipi oleh:  
Hazian Mohamed  
FGVPM-JTK



# Shell Out Mama Saji

**BAHAN-BAHAN:****Bahan A**

10 sudu sos tiram Saji
10 sudu sos cili Saji
2 sudu kicap manis Saji
10 sudu minyak masak Saji
1 biji bawang besar (dikisar)
10 tangkai cili kering (dikisar)
7 ulas bawang putih (dikisar)
2 sudu perencah bihun goreng
2 sudu perencah ikan bakar
2 sudu perencah asam pedas
3 sudu perencah tomyam
3 batang serai

**CARA PENYEDIAAN:**

- Panaskan minyak masak dan tumiskan bahan kisar.
- Masukkan semua bahan A dan kacau sehingga masak.
- Masukkan bahan B dan C, kacau rata sehingga masak.



Resipi oleh:  
Nur Amani Sapian  
FGVPM Ladang Laka Selatan 02

# *Tahniah pemenang*

## *Pertandingan Mewarna Merdeka*



Nurul Syazwani Said  
FGVRI



Luqman Nurhakim Mohamed  
FGVAS-PPPTR



Norsamila Ismail  
FGVRI



Mohamad Razi Abd Hamid  
FPSSB



Noraini Mohd Atam  
FGVAS-PPPTR

*Para pemenang akan dihubungi oleh Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan*

# Pertandingan Foto

## Merdeka Hari Malaysia



### KATEGORI A -

#### TEMA KEMERDEKAAN / HARI MALAYSIA

Ambil gambar patriotik anda secara kreatif dengan logo FGV dan bendera Malaysia.

### KATEGORI B -

#### TEMA OPERASI PERNIAGAAN

Ambil gambar yang menceritakan salah satu operasi perniagaan FGV seperti huluan, hiliran, produk dan sebagainya.

#### CARA PENYERTAAN:

1. Terbuka kepada semua petugas Kumpulan FGV.
2. Penyertaan adalah secara individu dan boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan.
3. Gambar perlulah dalam format jpeg atau png.
4. Gambar penyertaan mestilah beresolusi tinggi (*hi-res*) dan tidak kurang daripada 5MB.
6. Gambar haruslah tidak mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti kaum, agama serta politik.
8. Penyertaan hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada 26 Ogos 2022, jam 5 petang ke [groupstrategiccomms@fgvholdings.com](mailto:groupstrategiccomms@fgvholdings.com).
9. Semua penyertaan adalah hak milik Jabatan Komunikasi Stategik Kumpulan. Kami berhak untuk membuat sebarang penambahan atau mengubah penyertaan anda serta akan digunakan untuk kempen-kempen yang akan datang termasuk dalaman dan luaran.

*Penilaian pemarkahan adalah berdasarkan:*

*Penceritaan - 40%*

*Kreativiti - 30%*

*Kualiti - 30%*

#### HADIAH SETIAP KATEGORI

Pertama RM1,000  
Kedua RM800

Ketiga RM500  
Saguhati RM200

